

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2022

AKHBAR : HAKAKAH

MUKA SURAT : 22

KUM sedia Pelan Induk Teknologi Hijau

KUM sedia Pelan Induk Teknologi Hijau

KELANTAN Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) ditubuh pada 2007 bagi menstruktur semula syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) susulan pengenalan Akta SPAN dan WASIA berkenaan pengurusan air di negara ini. Syarikat Majaari Services Sdn Bhd (MSSB) turut ditubuhkan dalam Kumpulan KUM untuk menguruskan air kumbahan di Kelantan.


Selain itu diwujudkan juga Kel Intaaj Sdn Bhd dan Sihhat Afiat Sdn Bhd.

Dan bermula 2015 KUM menceburi industri teknologi hijau yang merupakan industri baru dalam kalangan penduduk di Kelantan.

KUM memfokus tiga perkara utama iaitu Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan 2019-2023, platform kepada pelabur dan pendedahan kepada rakyat berkaitan pelaburan teknologi hijau.

Pelan Induk Pembangunan Mampan Kelantan (PIPM) 2019-2023

Inisiatif penyediaan PIPM bagi meningkatkan lagi agenda pemba-



Solar terapung di Danau Tok Uban Pasir Mas.

ngunan sosio-ekonomi negeri.

Selain itu menambah nilai penglibatan Kelantan dalam inisiatif serantau Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT).

Pada 28 Januari 2018, KUM diberi tanggungjawab menyediakan Pelan Induk Teknologi Hijau Negeri Kelantan.

Ia meliputi Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 dan Pelan Strategik Negeri Kelantan 2016-2025. PIPM menyokong inisiatif lima tahun berkaitan Rancangan Makro Ekonomi Lima Tahun Negara dan Pilihan Raya Umum.

KUM platform pelabur

KUM secara berterusan berusaha menarik pelabur untuk melabur dalam industri teknologi hijau di Kelantan merangkumi sektor tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga, mobiliti hijau dan sisa pepejal.

KUM bertanggungjawab dalam program dan projek teknologi hijau termasuk program bangunan cekap tenaga, industri baru bioplastik, pelancongan hijau, mobiliti hijau, anugerah usahawan hijau.

Selain itu pembangunan kapasiti agenda hijau, pertanian pintar dan hijau, pengurusan sisa pepejal, penilaian bangunan hijau, kempen tanpa plastik dan tenaga boleh diperbaharui.